

Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُفُوسِيَّتِي تَكُونُ لَوْ كُنِي مَبَارَا



Gambar-gambar Sekitar Mesyuarat JKK MKSP



11.3 *Lawatan Naziran*

UiTM telah menerima lawatan naziran daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) pada 12 November 2014. Lawatan ini adalah bertujuan meneliti aspek-aspek pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan, menilai prestasi program/projek pembangunan yang menerima peruntukan pembangunan, perbincangan mengenai penilaian outcome ke atas program/projek yang telah dilaksanakan serta menyemak pematuhan kepada pekeling/surat pekeling berikut:

- Surat Pekeling Am Bilangan 3 Tahun 1998;
- Pekeling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007
- Surat Pekeling Am Bilangan 1 Tahun 2012

Jabatan yang terlibat secara langsung dengan perkara-perkara ini adalah Pejabat Bendahari, Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik, Bahagian Pembangunan, Pejabat Pengurusan Fasilitas, Jabatan Komunikasi Korporat, Bahagian Audit Dalam, Bahagian Pentadbiran dan Sekretarian, Pejabat Pendaftar, Unit Integriti dan InQKA sendiri.

Pelawat naziran terdiri daripada Puan Mutazira binti Abdul Mubin, Timbalan Pengarah, selaku Ketua, Encik Mohd Sufian bin Hassan, Timbalan Pengarah dan Puan Noraisyah binti Khairuddin, Penolong Pengarah. Secara umumnya, pihak ICU berpuas hati dengan perkara-perkara yang diaudit. InQKA juga berterima kasih kepada semua PTJ yang terlibat dalam penyediaan dokumen-serta penjelasan ke atas persoalan pihak ICU semasa sesi lawatan naziran tersebut.

Gambar-gambar Sekitar lawatan Naziran



11.4 *Perakuan Status Swaakreditasi*

UiTM telah dipelawa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diberikan status swaakreditasi selaras dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia dan InQKA diamanahkan sebagai tunjang utama di dalam menyediakan satu laporan Portfolio Penilaian Kendiri UiTM dan menyelaras lawatan audit oleh MQA pada tahun 2015. Taklimat kepada semua universiti yang dipelawa telah diadakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 20 Mei 2014. Pihak pengurusan Universiti telah bersetuju untuk menerima pelawaan ini di mana fi sebanyak RM200,000.00 yang dikenakan oleh pihak MQA telah diluluskan dengan menggunakan peruntukan Dana Kecemerlangan UiTM.

Dengan persetujuan ini, UiTM akan tertakluk kepada audit institusi yang akan dilakukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. InQKA telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Laporan Self Review Portfolio (SRP) UiTM untuk kegunaan audit tersebut. Selaras dengan itu, penulis laporan bagi setiap bahagian SRP dikenalpasti dan bengkel untuk semua Penulis Utama diadakan pada 08 Ogos 2014 manakala bengkel untuk keseluruhan pasukan penulis laporan telah diadakan pada 29 Ogos 2014.

Cabaran besar yang dihadapi oleh pasukan penulis ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan bukti-bukti berkaitan proses-proses yang dinyatakan dalam laporan tersebut. Laporan Self Review Portfolio ini (SRP) telah berjaya disiapkan untuk dihantar ke pihak MQA.

Adalah diharapkan dengan Laporan SRP yang komprehensif ini, pasukan audit daripada MQA yang akan menilai UiTM dengan lebih mudah. Seterusnya semoga penilaian yang dibuat nanti akan melayakkan UiTM diberi status swaakreditasi.



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor